

# Tiada tempat **lupus sampah**

MDKL akan upah kontraktor kutip bahan buangan restoran tomyam, dikenakan bayaran RM200

**BANTING** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) tidak menafikan peniaga restoran makanan tomyam antara penyumbang sampah di Kuala Langat namun bukanlah penyumbang terbesar seperti yang digembar-gemburkan.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, apabila pihaknya menyemak semula pihak yang membuang sampah, didapati pengusaha restoran makanan tomyam turut menyumbang 10 peratus sampah.

"Kami ada bukti malah rekod pun telah dibuat dan sebahagiannya pula ditangkap apabila membuang atau melonggokkan sampah di rizab jalan, bahu jalan dan kebun.

"Sebab itulah MDKL

mengklasifikasikan pengusaha restoran tomyam antara penyumbang sampah tetapi bukanlah terbesar," katanya.

Menurutnya, buat masa ini peniaga restoran makanan tomyam tidak mempunyai tempat pelupusan sampah yang baik dan kebanyakan mereka dberi niaga setiap malam dan melonggokkan sampah pada kesokan paginya.

"Memanglah sebahagiannya ada yang upah kontraktor kutip sampah dan bayar dengan upah RM80 ke RM100.

"Masalahnya ada antara kontraktor yang tak buang sampah ikut jadual yang betul dan beri persekitaran kurang selesa pula di kawasan awam," katanya kepada *Sinar Harian* mengulas mengenai isu sampah yang di-

bincangkan dalam Mesyuarat Penuh MDKL, kelmarin.

Beliau berkata, MDKL terpaksa mengambil alih isu berkenaan dengan mengupah kontraktor yang ada untuk menguruskan sampah dengan lebih baik.

"Seperti cadangan dalam mesyuarat penuh, kita akan mengenakan bayaran sebanyak RM200 yang mana kos itu kita 'cover' dan bayar kepada kontraktor.

"Setakat ini, kita dah mula sejak bulan lepas dan ada sembilan pengusaha kedai yang bayar ikut kempen itu.

"Kebanyakannya dari kawasan Kanchong Darat selain di Tanjung Sepat, namun saya lihat jika kempen ini disahut peniaga, sudah pasti masalah



**Mohd Azhar ketika membincangkan isu sampah dalam Mesyuarat Penuh MDKL, kelmarin.**

pembuangan sampah mereka dapat diatasi," katanya.

Mohd Azhar berkata,

MDKL akan meneruskan usaha berkempen itu secara berperingkat tetapi mengambil

inisiatif memastikan kempen itu dijalankan terus kepada semua peniaga terlibat.



## 'Selamat tinggal sekolah!'

**BANTING** - Pengalaman diperoleh sepanjang 36 tahun berkecimpung dalam bidang pendidikan terlalu berharga dan hatinya terlalu berat meninggalkan tugas yang sudah sebati dengan jiwanya.

Namun, atas tuntutan persaraan, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Banting, Rahani Arshad, 60, terpaksa melepaskan tugas itu.

Kelmarin, sempena persaraannya, beliau diraikan di pentas pelamin khas yang diusahakan warga SMK Banting 1Hati 1Bakti selain dihiburkan dengan koir pelajar serta sebuah lagu ciptaan bekas guru sekolah itu, Mohd Fauzi.

Rahani dalam ucapannya berkata, beliau terharu dengan sambutan diberikan dan berterima kasih kepada tetamu yang hadir termasuk wakil Jabatan Pendidikan Selangor, Abdul Talib Hamid yang merupakan bekas pengetua SMK Banting serta penghargaan kepada semua pihak yang memberi kerjasama sepanjang beliau bertugas.

Dalam tayangan video khas dihasilkan kreativiti guru, Noor Hazwan Zolkafli bertajuk Srikandi Ilmu: Lambaian Kasih, Sanjungan Budi berdurasi 10 minit menceritakan profil beliau yang mula berkhidmat sebagai guru pada 1 Mei 1980 di SMK (P) Methodist, Penang sebelum dilantik sebagai pentadbir di Kuala Langat bermula di SMK Telok Datok,



**Rahani menamatkan tugasnya di SMK Banting, kelmarin.**

SMK Batu Laut, SMK Sultan Abdul Samad (kini Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad), SMK Bukit Changgang, SMK Sungai Manggis dan berakhir di SMK Banting.

"Saya mula terlibat dalam profesion perguruan selepas ditawarkan latihan dan pengajian di Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia.

"Sebenarnya, saya masih belum puas berkhidmat sebagai warga pendidik dan berharap warga sekolah akan meneruskan usaha mendidik anak bangsa.

"Selamat tinggal sekolah!" katanya sebelum dibawa menaiki kenderaan khas mengelilingi sekolah dan memberikan lambaian terakhir kepada warga SMK Banting.